

03/06/2001

Tindak tanduk presiden dedah kecelaruan kepemimpinan KOAM

Razali Yahya

APABILA Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berulang kali membuat peringatan terhadap bahaya penggunaan wang dalam memilih pemimpin, maka sebilangan besar ahli parti berkenaan baik di peringkat akar umbi sehinggalah kepada ahli Majlis Tertinggi seolah-olah tidak ambil pusing peringatan penting tokoh terkenal itu. Buktinya, penggunaan politik wang terus berlaku secara berleluasa sebagaimana yang terpapar dalam sebilangan besar pemilihan peringkat Umno bahagian yang berakhir penghujung April lalu.

Betapa seriusnya Dr Mahathir memerangi gejala politik wang dalam memilih pemimpin, terbukti apabila enam ahli Umno daripada pelbagai peringkat telah dihukum termasuk membatalkan kemenangan dalam pemilihan yang lalu. Lebih daripada itu, Dr Mahathir melaporkan ramai lagi masih dalam siasatan dan jika didapati terbukti terbabit dengan penggunaan wang, mereka juga tidak terlepas daripada hukuman.

Natijah daripada amanat Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri Malaysia ialah beliau mendapati penggunaan wang cukup bahaya dalam menentukan pemimpin baik di peringkat parti mahupun negara. Baginya, permainan atau penggunaan wang untuk merebut jawatan penting boleh memberi kesan tidak baik. Ini kerana parti atau kerajaan yang memerintah akan menjadi lemah kerana diterajui oleh mereka yang tidak berkebolehan. Apabila parti atau kerajaan sudah lemah, maka subversif luar mudah bertindak dan seterusnya memperkotak-katikkan kita. Bila ini berlaku, parti dan negara terbabit sedang menuju kehancuran.

Sebab itulah, Dr Mahathir begitu keras membanteras penggunaan wang kerana ia boleh menyekat kemasukan pemimpin berkebolehan untuk meneruskan kesinambungan memimpin negara. Sebaliknya, jika parti dan negara diterajui oleh pemimpin yang memang dipengaruhi wang, lambat-laun kelemahan itu akan membawa kepada kehancuran. Ini juga harus diberi perhatian dalam pembangunan sukan negara secara keseluruhan. Sudah sewajarnya, semua persatuan sukan khususnya di peringkat kebangsaan dapat diterajui oleh pegawai-pegawai berkebolehan, berhemah, berdaya maju serta mempunyai wawasan untuk membawa persatuan ke arah kecemerlangan.

Hanya mereka yang memiliki ciri-ciri kepemimpinan yang jitu, mampu menerajui persatuan sukan kebangsaan dengan gemilang. Jika persatuan itu diketuai oleh pemimpin yang lemah dan tidak berupaya menangani sesuatu masalah dengan cara berhemah dan mudah dipertikaikan, maka sudah tentu persatuan berkenaan bukan sahaja dipandang serong tetapi mengundang pelbagai masalah yang tidak mungkin dapat diselesaikan. Ini kerana tindak-tanduk serta keperibadian seseorang pemimpin bagi sesebuah persatuan akan menjadi manifestasi kepada keunggulan atau sebaliknya bagi persatuan yang diterajuinya.

Sebenarnya, terlalu banyak contoh baik dan buruk sesebuah persatuan sukan kebangsaan di negara ini boleh dijadikan panduan dan teladan. Ini sebenarnya banyak bergantung kepada keupayaan dan kebijaksanaan seseorang pemimpin yang menerajui persatuan berkenaan. Jika pemimpin atau presidennya memang diakui tiada ketokohan untuk memimpin sesebuah persatuan sukan, maka jangan harap persatuan terbabit dapat maju dengan jayanya. Kelemahannya pasti terdedah apabila dia terus-menerus berada dalam keserabutan bagaimana untuk menangani sesuatu isu yang timbul. Kelemahan akhirnya terbukti apabila masalah itu bukan sahaja terus berpanjangan malah akhirnya dia akan tunduk kepada desakan yang pada

pendapatnya boleh mencemarkan nama baiknya.

Sebab itulah, kita agak terkilan dengan gaya atau cara pucuk pimpinan Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) menangani isu berhubung insiden pergaduhan pelari pecut negara, Watson Nyambek dengan jurulatih lompatan Hanafiah Nasir pada 20 Mac lalu. Lebih mengaibkan insiden buruk itu berlaku di depan mata Presiden KOAM, Datuk Syed Aidid Syed Murtaza. Adalah tidak munasabah dan mustahil, Syed Aidid yang berada sepanjang perjumpaan dengan atlit ketika insiden berlaku tidak mengetahui punca sebenar yang membawa kepada perkelahian dua jagoan itu. Ini kerana sebelum insiden yang hampir membawa kepada keadaan yang lebih buruk, sudah berlaku pertikaman lidah antara mereka terbabit dengan pegawai KOAM. Bila keadaan tidak terkawal, maka Hanafiah dan Watson hampir berkelahi.

Soalnya ketika itu, presiden KOAM terus membuat teka-teki untuk menyelesaikan isu berkenaan. Lebih mengaibkan, Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein terpaksa campur tangan untuk mendamaikan Watson dan Hanafiah. Pada pendapat kita, Syed Aidid tidak perlu menunggu sehingga menteri terpaksa campur tangan. Beliau sendiri perlu bertindak tegas dan berani dengan memanggil Watson dan Hanafiah secepat mungkin kerana insiden itu berlaku di depan matanya. Kalau presiden KOAM itu lebih awal bertindak mententeramkan kedua-dua yang terbabit pada hari kejadian, kita berpendapat isu itu tidak mungkin berpanjangan sehingga hari ini. Inilah antara kesilapan awal yang dilakukan Aidid yang akhirnya menjadikan isu itu terus dipertikaikan sehingga ke hari ini.

Kecelaruhan dalam kepemimpinan KOAM terus terserlah apabila presiden KOAM itu sekali lagi membuat kejutan terbaharu dengan membuat pengakuan terbuka untuk memikul segala kesalahan berhubung insiden pergaduhan Watson dengan Hanafiah yang berlaku 20 Mac lalu. Beliau tanpa segan-silu memohon maaf kepada Ahli Majlis, jurulatih dan atlit yang lain kerana tidak bertindak sewajarnya sekalipun berada di tempat kejadian. Justeru itu, beliau membatalkan keputusan Majlis KOAM untuk memberi surat amaran kepada Watson, Hanafiah dan jurulatih pecut, Mumtaz Jaafar dalam usahanya mendamai dan menyatukan semua pihak.

Pengakuan terbaharu Syed Aidid itu bermakna tidak ada surat amaran akan dikeluarkan kepada tiga pihak yang terbabit kerana beliau bersedia memikul semua kesalahan itu. Sebaliknya, tindakan Aidid yang semacam 'ditelan mati emak, diluahkan mati bapa', mahu sekiranya surat amaran dikeluarkan juga, ia sepatutnya diberikan kepada beliau dan bukannya kepada tiga pihak yang terbabit. Luahan mengejutkan ini disampaikan oleh Syed Aidid ketika berjumpa dengan Ahli Majlis KOAM, pegawai, jurulatih dan atlit di Majlis Sukan Negara (MSN), empat hari lalu.

Lebih memeranjatkan, Syed Aidid dilaporkan belum merujuk atau berbincang dengan ahli Majlis KOAM untuk memaklumkan keputusan itu. Dia dikatakan akan berbuat demikian serta sedia berdepan dengan apa juga tindakan pada 16 Jun ini. Soalnya, mengapa presiden KOAM itu bersungguh-sungguh untuk melonggokkan kesalahan yang timbul itu di bahunya? Memang aneh. Ini kerana keputusan mengeluarkan surat amaran kepada tiga pihak yang terbabit itu sudah diputuskan oleh Majlis KOAM pada mesyuarat 18 Mei lalu. Kini, Syed Aidid bertindak dengan membuat pengakuan bahawa tidak ada surat amaran akan dikeluarkan kepada tiga pihak itu serta bersedia memikul semua kesalahan yang berlaku.

Apa sudah jadi dengan presiden KOAM kita? Mengatakan bahawa keputusan menarik semula surat amaran itu tiada kena mengena dengan ancaman Mumtaz untuk membawa isu ke mahkamah, ia bukan alasan konkrit. Pun begitu, andainya beliau memberikan alasan mahu mendamai semua pihak telah mendorong beliau berbuat demikian, juga masih boleh dipertikai banyak pihak. Kalau beliau mahu mendamaikan pihak terbabit, mengapa tidak dilakukan daripada awal lagi iaitu ketika insiden berlaku di depan mata

beliau. Mahu atau tidak mahu, Aidid terpaksa menelan hakikat sudah melakukan kesalahan yang tidak sepatutnya dilakukan oleh seorang yang berpangkat presiden. Ini aib namanya.

Nampaknya tindak-tanduk Syed Aidid itu lebih kepada untuk menjaga populariti diri di kalangan atlit. Memang benar, atlit akan memujinya dan dia akan popular di kalangan atlit kerana sanggup membela mereka yang sudah melakukan kesalahan. Sebaliknya, kesediaan Syed Aidid itu akan meletakkan dirinya dalam keadaan serba salah sepanjang tempoh menerajui KOAM beberapa tahun akan datang. Paling ketara, keputusannya itu jelas telah membelakangkan ketetapan yang dibuat oleh Majlis KOAM. Kalau presiden sendiri sudah semacam tidak menghormati keputusan yang dibuat oleh Majlis KOAM, bermakna kewujudan mereka sebenarnya hanya sah atas nama dan tiada kuasa untuk membuat sesuatu keputusan yang diamanahkan.

Lebih buruk lagi, tindak-tanduk itu juga akan mengundang kepada kurangnya rasa hormat atlit kepada pegawai KOAM yang lain. Keadaan menjadi lebih teruk lagi apabila berulangnya kejadian atlit tidak berdisiplin akan terus menjadi modal kepada atlit lain untuk melepaskan diri. Bagi mereka, kalau Watson dan Hanafiah boleh terlepas, mengapa mereka tidak boleh mendapat keistimewaan yang sama. Kalau inilah yang berlaku, maka tidak syak lagi KOAM akan berdepan dengan pelbagai masalah besar yang akhirnya boleh menghancurkan masa depan sukan olahraga secara keseluruhan.

(END)